

20 OCT 1997

Mahathir-Selesema

PERDANA MENTERI BERANSUR BAIK

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah beransur baik daripada selesema, menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Bagaimanapun, menurut kenyataan itu, Dr Mahathir masih perlu berehat.

Menurut kenyataan itu lagi, aturcara lawatan bertugas Perdana Menteri ke London pada 21 dan 22 Okt apabila beliau dijadual menyampaikan ucapan dasar pada beberapa persidangan adalah dibatalkan.

Bagaimanapun beliau dijadualkan menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang bersidang dari 24 hingga 27 Okt di Edinburgh, Scotland.

"Perdana Menteri turut menyatakan rasa terharunya atas kehadiran beribu-ribu rakyat untuk menyambut ketibaannya di Kuantan serta menyertai majlis yang dianjurkan oleh DRB-HICOM di Pekan pada Sabtu lepas.

"Beliau dukacita kerana tidak dapat hadir di majlis-majlis tersebut dan mengucapkan berbanyak terima kasih atas sambutan rakyat serta sokongan mereka," kata kenyataan itu.

Sabtu lepas, Pejabat Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan bahawa Dr Mahathir tidak dapat menghadiri acaranya pada hari Sabtu, Ahad dan hari ini akibat selesema dan perlu berehat.

Berikut ialah kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

"Adalah dimaklumkan bahawa Perdana Menteri YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah beransur baik daripada mengalami selesema. Bagaimanapun beliau masih perlu berehat. Dengan yang demikian aturcara lawatan bertugasnya ke London pada 21 dan 22 Oktober di mana beliau dijadual menyampaikan ucapan dasar di beberapa persidangan adalah dibatalkan. Bagaimanapun beliau dijadualkan menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang bersidang dari 24 hingga 27 Oktober 1997 di Edinburgh, Scotland.

"YAB Perdana Menteri turut menyatakan rasa sangat terharunya di atas kehadiran beribu-ribu rakyat untuk menyambut ketibaannya di Kuantan serta menyertai majlis yang dianjurkan oleh DRB-HICOM di Pekan pada Sabtu lepas. Beliau dukacita kerana tidak dapat hadir di majlis-majlis tersebut dan mengucapkan berbanyak terima kasih di atas sambutan rakyat serta sokongan mereka."

-- BERNAMA

MOK NMO